

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 23 MEI 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Sasaran pengkomersialan 360 R&D berimpak tinggi boleh dicapai - Muhyiddin	Bernama.com
2	6 pemacu jana ekonomi, kesejahteraan	Berita Harian
3	Inovasi penting pacu ekonomi Negara - TPM	Utusan Malaysia
4	Ancaman serangan siber	Berita Harian
5	A most noble profession	New Straits Times
6	Amaran angin kencang, laut bergelora di perairan phuket	Bernama.com
7	Dua gempa bumi kuat landa pulau Solomon	Bernama.com



Sasaran Pengkomersialan 360 Produk R&D Berimpak Tinggi Boleh Dicapai - Muhyiddin

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin optimis sasaran pengkomersialan 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) berimpak tinggi akan dapat dicapai menjelang 2020.

Beliau berkata keputusan memperluas skop dana prapengkomersialan di bawah [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) adalah tepat bagi membantu lebih banyak produk R&D ke pasaran.

"Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), kerajaan menyasarkan membuat anjakan ke tahap penguasaan Sains Teknologi Inovasi (STI) yang lebih tinggi dengan 'outcome' yang lebih berkesan melalui program yang akan memberi fokus kepada R&D yang bersifat 'game changer'.

"Strategi RMK11 iaitu Pembangunan Nasional Malaysia adalah berasaskan ekonomi berteraskan rakyat yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2015 di sini, malam Sabtu.

[Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin, Ketua Setiausaha Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur](#) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tan Sri Dr Madinah Mohamad.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pendidikan, berkata langkah MOSTI memperluas skop dana bagi membiayai 'MOSTI Social Innovation' atau MSI, iaitu pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial juga amat dialu-alukan.

"Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan MOSTI agar AIN diperluaskan, mulai tahun hadapan, kepada inovasi sosial.

"Juga, mengambil kira peranan media yang penting dalam memperkasa agenda STI Negara, saya ingin mencadangkan agar MOSTI, mulai tahun hadapan, mewujudkan kategori khas di bawah AIN bagi menghargai wartawan atau media yang turut menyumbang dalam agenda STI Negara," katanya.

Penganjuran AIN kali ke-9 itu adalah bersempena penganjuran Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) 2015.

Pada majlis itu, Muhyiddin menyampaikan AIN dalam empat kategori iaitu Produk, Perkhidmatan, Akar Umbi dan Sekolah.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Saintis Muda Negara dan Anugerah Juruteknologi Negara sebagai mengiktiraf sumbangan dan pencapaian mereka dalam memajukan penyelidikan sains, teknologi dan inovasi Malaysia.

Anugerah Saintis Muda Negara dianugerahkan kepada Prof Madya Ir Sharifah Rafidah Wan Alwi dari Universiti Teknologi Malaysia manakala Anugerah Juruteknologi Negara dimenangi Adz Jamros Razali dari Universiti Teknologi Petronas.

AIN pada tahun ini menerima sebanyak 709 penyertaan secara keseluruhan berbanding hanya 430 pada tahun lepas.

-- BERNAMA

6 pemacu jana ekonomi, kesejahteraan

» Kerjasama
rapat semua
pihak mampu
capai sasaran
RMKe-11

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin banyak memberi penekanan dalam sains, teknologi dan inovasi sebagai agenda nasional.

Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata bagi mencapai enam pemacu yang menjana ekonomi dan kesejahteraan rakyat seperti mana termaktub dalam RMKe-11, ia memerlukan kerjasama rapat pelbagai pihak termasuk sektor awam dan swasta.

Lonjakan terakhir

"ASM yakin RMKe-11 dapat dicapai kerana ia adalah lonjakan terakhir Malaysia menjadi negara maju menuju Wawasan 2020," katanya kepada media selepas forum khas



Ahmad Tajuddin menjawab soalan di forum khas sempena Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2015 (NICE 2015) di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/ BH)

dengan topik "Melangkah Ke Hadapan Sains, Teknologi & Inovasi (STI) dan RMKe-11(STI) sebagai 'Game Changer'" bersempena dengan penganjuran Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan

2015 (NICE 2015) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut menyertai Dr Ahmad Tajuddin sebagai ahli panel forum itu ialah, Presiden Majlis Persekutuan Pengilang Malaysia

(FMM), Datuk Seri Saw Choo Boon dan Setiausaha Bahagian Kanan (Perancangan) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Kamel Mohamad.

Berpaksikan rakyat

Ahmad Tajuddin berkata, STI adalah antara komponen penting untuk mencapai sasaran RMKe-11 kerana ia merangkumi pelbagai sektor dan menjadi pemangkin dalam melengkapkan usaha kerajaan.

Katanya, RMKe-11 yang memberi tumpuan kepada pertumbuhan berpaksikan rakyat juga membolehkan kerajaan membina kemajuan menjadi negara berpendapatan tinggi seiring dengan pembangunan insan yang ditunjungi rakyat.

"STI amat penting untuk mengembangkan ekonomi Malaysia. Setiap aspek dalam enam pemacu yang diumumkan Najib juga berkaitan dengan STI.

"Sebagai contoh, STI adalah jalan penyelesaian kepada isu air, tenaga, perumahan dan persekitaran. Kepentingan STI memang tidak dapat disangkal.

"ASM yakin kerajaan dapat mencapai sebahagian besar apa yang digariskan dalam RMKe-11 kerana ia adalah kesinambungan kepada hala tuju negara selepas tahun 2020," katanya.

RMKe-11

**PERTUMBUHAN
BERPAKSIKAN
RAKYAT**

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 23 MEI 2015 (SABTU)**



MUHYIDDIN YASSIN (barisan belakang, tengah) bersama para pemenang Anugerah Pencipta Muda Malaysia 2015 dalam Malam Budaya Cipta sempena ITEX 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, malam tadi. Turut kelihatan P. Kamalanathan. - UTUSAN/FARID JANUDIN

Inovasi penting pacu ekonomi negara - TPM

Oleh **KAMIL MASLIH**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 22 MEI**

TAN Sri Muhyiddin Yassin berkata, inovasi memainkan peranan yang penting untuk mengubah landskap ekonomi negara serta memacu pertumbuhan pesat.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sebagaimana yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) semalam, inovasi telah dikenal pasti sebagai elemen penting untuk memajukan negara.

Sehubungan itu kata beliau, kerjasama erat antara pihak kerajaan, industri dan akademik akan dipertingkatkan menerusi pelbagai platform termasuk Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN), Sirim-Fraunhofer dan PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd., (PlaTCOM).

"Sebagai contoh, menerusi platform PPRN yang diterajui Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia

(MTDC), kerjasama swasta dengan penyelidik akademik akan dibentuk untuk menghasilkan inovasi dan meningkatkan produktiviti.

"Menerusi platform-platform ini, syarikat-syarikat swasta akan mendapat akses kepada teknologi terkini dan membawa hasil kajian ke pasaran. Untuk inisiatif ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Malam Budaya Cipta sempena Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-26 (ITEX) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan dan Presiden Persatuan Reka Bentuk dan Reka Cipta Malaysia (MINDS), Tan Sri Dr. Augustine Ong.

Pada majlis itu, Universiti Teknologi Petronas (UTP) mengungguli Anugerah Penaung ITEX 2015 dengan meraih sebanyak 18 pingat emas, 30 pingat perak dan 17

pingat gangsa.

Anugerah Inovasi Muda 2015 bagi kategori sekolah menengah pula dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Abdul Kadir, Kepala Batas, Pulau Pinang manakala kategori sekolah rendah diraih Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Melaka.

Menurut Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, kementerian juga telah memperkenalkan Pemikiran Tahap Tinggi dan Kemahiran Kreatif (HOTaCS) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

"Aspirasi kami adalah supaya setiap pelajar dapat mengembangkan sepenuhnya potensi mereka untuk memiliki kemahiran inovasi serta mencipta idea-idea baharu," katanya.

Jelas beliau, meskipun Malaysia berada dalam kedudukan ke-33 daripada 143 negara dalam Indeks Inovasi Global 2014, usaha perlu digandakan agar kedudukan negara dapat ditingkatkan lagi.

» 365,486 robot server sedia lancar serangan, mampu ambil alih rangkaian komputer negara

► Kuala Lumpur

Katanya, berdasarkan statistik tiga bulan pertama tahun ini, 296.931 kes jangkitan virus mal-ware. 94.297

satelit

Lebih
365,486
botnet asing

3,827
kes gangguan
terhadap sistem

94,297
kes godam
menerusi internet

MALAYSIA

[illegible]

Katanya, cabaran utama CSM selepas ini ialah melaksanakan pembersihan beratus ribu 'botnet' dan ia mustahil dapat dilakukan tanpa kesedaran serta kerjasama semua pihak terutama agensi dan pemilik server komputer.

Bukti contoh log 124,000 serangan siber dalam masa dua hari terhadap sebuah pusat pelayan data hujung April lalu.

COMMENT

A most noble profession

RESPECTED: There is no denying that teachers are the greatest asset of a nation



DR AHMAD
IBRAHIM

A FEW years ago, I visited North Korea. I was in a ministerial mission to promote palm oil. Not many have set foot in this unique country. Many young Malaysians now spot the hairstyle of its leader, which is also known as the Gangnam Style. We spent about a week in Pyongyang. It was long enough to get to know some of the cultural practices there.

The city has fairly decent public transport. On the buses, everyone should give up their seat if a teach-

er was present. Teachers are highly respected. It is, therefore, no wonder that teachers there enjoy the best perks. Our teachers here are also very much looked up to. Now, the government is trying to improve things. That is good.

We can safely say that all of us had our own teachers. In the early years of our educational journey, they were the ones who, apart from our parents, shaped us into what we are today. I still remember the days in the 1960s when we were just starting Form One in a boarding school, the Malay College Kuala Kangsar (MCKK). Imagine at that tender age of 12, I already had to study far away from home.

At that time, for us Kelantanese, Perak was like a foreign country. I was excited to be given the chance to meet new friends and to be given a place in the nation's top boarding school. At the same time, I was sad to be away from family.

But admittedly the teachers there helped soothe the transition. At MCKK, at least during our time, the teachers were like colleagues. There were exceptions of course. But on the whole, we all felt at ease talking with and meeting our teachers. I remember one English teacher when I was in Form Three. The truth was he did not really speak much in class. What he did most times was write an instruc-



The government is trying to bring back the glory of the teaching profession.

tion on the board — often to write a composition — and stay at his desk till the end of the lesson.

We just did what was instructed on our own. But the little that he spoke on occasion was enough for us to acquire a good command of the English language. His occasional treat of *kueh bawang* also helped in the student-teacher bonding.

There were other teachers who were close, sometimes too close. There was one Art teacher who helped us at crucial times. In those days, some of us did not miss the opportunity to venture out at night to watch Dev Anand movies at Rex Kuala Kangsar. On occasions, we were not so lucky. If not for a place to hide offered by our favourite Art teacher, we would have been sent to detention class. Even to this day,

he would join us whenever we meet up among classmates. In fact, maybe because of his relaxed nature, he looks much younger than some of my classmates! He tells us that his secret is his regular visit to Yut Loy for the famous Kuala Kangsar Pau.

There was another teacher who never missed coming to our functions. During school days, he was also like a friend more than a teacher.

He recently passed away but to most of us his absence is still felt. The truth is we had many such teachers who truly cared.

But we also had the more serious teachers. It is just their nature. Deep down we still felt the closeness. There was one who sent one of us to detention class just for smiling during a Friday dormitory

inspection. There was another very diligent science teacher who also left a mark on us.

In his case, we still remember the jokes he told in class. In fact, all collegians who attended his chemistry lessons never forgot his many jokes. This is because he told the same jokes everytime. Apparently the jokes are part of his written lecture notes.

There is no denying that teachers everywhere are the greatest asset of a nation. It is good that the government is doing something to bring back the glory and respect of the teaching profession.

ahmad.ibrahim@
akademisains.gov.my

The writer is a fellow at Academy of Sciences Malaysia



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Di Perairan Phuket

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Angin kencang dengan kelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam dan ombak setinggi 3.5 meter dijangka berlaku di perairan Phuket bermula Isnin hingga Khamis depan.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan, di sini hari ini memaklumkan keadaan ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA



Dua Gempa Bumi Kuat Landa Pulau Solomon

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Dua gempa bumi kuat berukuran 6.8 dan 6.7 pada Skala Richter melanda Kepulauan Solomon pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini Sabtu, berkata pusat gempa pertama berukuran 6.8 pada skala Richter berlaku pada 5.45 pagi ialah di 194 kilometer tenggara Kirakira, Pulau Solomon atau 5,276 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Gempa bumi kedua berlaku pada 7.59 pagi berukuran 6.7 pada skala Richter pada kedudukan 162 kilometer tenggara Kirakira, Pulau Solomon atau 5,241 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan, menurutnya.

Sebelum ini, Pulau Solomon dilanda gempa kuat pertama pada 7 Mei berukuran 6.9 pada Skala Richter.

-- BERNAMA